


BULETIN PERDANA




PEJABAT PERDANA MENTERI | Mei - Jun 2019 | Bil 3/2019 | www.pmo.gov.my | bp@pmo.gov.my

www.facebook.com/TunDrMahathir

[@chedetofficial](https://twitter.com/chedetofficial)

[@chedetofficial](https://www.instagram.com/chedetofficial)

Kemakmuran Bersama hala tuju baharu ekonomi negara - Tun M



PUTRAJAYA, 9 Mei (Bernama) – Kerajaan akan memperkenalkan hala tuju baharu ekonomi negara yang akan memastikan rakyat dapat menikmati kemakmuran bersama serta menyelesaikan kemelut ekonomi yang dialami sekarang.

Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata inisiatif yang akan diperkenalkan itu mengambil pendekatan 'Kemakmuran Bersama' dengan meningkatkan kuasa beli rakyat dan menghapuskan jurang pendapatan dan kekayaan antara kelas, kaum, wilayah serta jurang rantaian bekalan yang melampau.

"Kemakmuran Bersama adalah usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat rantaian nilai, kelas, kaum dan geografi sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan dalam kalangan rakyat menjelang tahun 2030," katanya.

Perdana Menteri berkata polisi dan program ke arah kesejahteraan sosial yang lebih menyeluruh harus

diperkukuhkan berdasarkan prinsip memenuhi ekonomi keperluan kerana negara tidak mahu ada kalangan rakyat yang tertinggal.

"Walaupun begitu, usaha ini bukan bermaksud untuk negara menyuap nasi ke mulut mereka namun dengan tujuan membantu membangun keupayaan mereka keluar daripada kekurangan dan keadaan yang berisiko," katanya.

Selain itu, pembangunan ekonomi negara akan diperluaskan ke beberapa wilayah lain negara ke arah pembangunan ekonomi yang inklusif dan teragih.

Namun, katanya, bagi menyokong pembangunan ekonomi dan pertumbuhan, negara memerlukan masyarakat yang matang, berilmu, bekerja keras dan mementingkan perpaduan.

Untuk itu, jati diri dan patriotisme golongan muda juga adalah amat penting bagi memastikan masa depan negara yang cemerlang.

[Berita selanjutnya di www.pmo.gov.my]

Malaysia Pelawa Pelaburan Teknologi Tinggi Dari UK

LONDON, 17 Jun (Bernama) – Malaysia mencari pelaburan dalam sektor teknologi tinggi seiring dengan matlamat negara untuk menyediakan pendapatan tinggi kepada rakyat, kata Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini.



“Kita mahu mereka menjadi jurutera yang bekerja dengan peralatan baharu, jentera baharu dan mahir dengan keperluan untuk menyenggara dan membaiki mesin yang beroperasi,” katanya semasa menyampaikan ucapan pembukaan mesyuarat meja bulat dengan komuniti perniagaan Britain anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di sini.

“Ya, kita adalah negara kecil dan berkembang pada kadar 11 atau 12 peratus namun kini dengan ekonomi lebih besar, pertumbuhan pada kadar yang sama akan ditunjukkan oleh peratusan lebih kecil.

“Jadi, kita masih berkembang pada kadar lebih empat peratus dan berharap dapat mencapai prestasi lebih baik tahun ini pada 4.4 peratus atau 4.6 peratus,” katanya.

“Ini keperluan kita pada masa sekarang. Rakyat Malaysia kini lebih terlatih dan negara memiliki ramai lepasan universiti. Oleh itu, kita tidak boleh mengharapkan mereka melaksanakan kerja manual contohnya dalam kerja-kerja pemasangan seperti yang kita buat sebelum ini.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia telah menjadi negara mesra perniagaan dan bersedia memperhalusi dasarnya untuk memenuhi keperluan pelabur kerana perniagaan mewujudkan pekerjaan dan kekayaan kepada negara.

[Berita selanjutnya di www.pmo.gov.my]

Aktiviti Rasmi Tun Dr. Mahathir

3 Mei

Perasmian Malaysia Future Leaders School (MFLS) anjuran Kementerian Belia dan Sukan

9 Mei

Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu

22 Mei




Majlis Berbuka Puasa bersama masyarakat Palestin di Malaysia

25 Mei

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) dan Penyerahan Sumbangan Bencana Kemarau kepada Pesawah Daerah Langkawi 2019

28 Mei



Merasmikan Pembukaan Pejabat Facebook Malaysia

11 Jun

Sesi Dialog dengan Kor Diplomatik Afrika di Malaysia

22 Jun

34th ASEAN Summit 2019

26 Jun

Majlis Makan My Voice My Nation anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

27 Jun

Pelancaran Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)

Pelancaran *Marvel Studios: Ten Years of Heroes Exhibition*

29 Jun

Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Ahli Perlimen Langkawi

2 Julai

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-134

5 Julai

Majlis Penyerahan Felo Perdana dan Felo Korporat 2019

11 Julai

Menghadiri Sesi Pertanyaan Menteri

20 Julai

Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) BERSATU

22 Julai

Kunjungan Hormat oleh pimpinan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kebangsaan



Pelancaran Kempen *Visit Truly Asia Malaysia 2020*

23 Julai

Menghadiri Majlis Pelancaran Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan 2019-2023

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet

Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali bergambar bersama pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom selepas selesai kunjungan di The Cambridge Union Society.



Foto Kenangan bersama Perdana Menteri

Berminat untuk gambar kenangan anda bersama Perdana Menteri Malaysia dan hasil karya fotografi anda disiarkan di dalam Buletin Perdana? Sila kirimkan gambar anda di alamat emel bp@pmo.gov.my. Gambar yang terpilih akan disiarkan pada edisi akan datang.



Tun M dan Tun Siti melayani tetamu yang hadir untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama



Tun M bersama salah seorang penerima rumah program Rumah Peduli Rakyat negeri Melaka



KEMAKMURAN BERSAMA *Suatu Prolog*

Oleh: Mohd Nizam Mahshar

Mohd Nizam Mahshar adalah Ahli Lembaga Pemegang Amanah; Institut Masa Hadapan Malaysia (MASA), Ahli, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Ahli, Majlis Penasihat Pelaburan dan Perdagangan Negara (TIAC). Beliau terlibat sebagai kumpulan awal yang mengasas dan merencana Gagasan Kemakmuran Bersama.

Satu tarikh; pada 2013; ketika itu kami sibuk memperhalusi dan menekuni dua isu besar negara iaitu TPPA dan Dasar Liberalisasi Petronas. Usai diskusi berat sekitar hampir dua jam; kami tamatkan untuk berfikir lebih lanjut.

Ketika menemani beliau berjalan keluar saya cuba mencari peluang bertanyakan persoalan-persoalan besar yang menghantui fikiran saya selama ini. Persoalan bangsa dan kenegaraan.

Saya antara mereka yang percaya pada nuansa kalimat ahli sejarawan George Santayana;

'Those who do not learn (from) history are doomed to repeat it.'

Berpeluang dalam tempoh yang pendek bersama dengan manusia yang mengukir sejarah negara selama lebih 22 tahun. Amat merugikan jika kita tidak ingin belajar darinya.

“Tun ...”, nada saya terketar.

“Satu lagi soalan di luar topik” ... “Apa rahsia 22 tahun Tun dalam membangunkan negara sehingga dapat ia membangun sedemikian rupa?”. Beliau berhenti, mengalih perhatian pada saya barangkali cuba meneka-neka adakah ini soalan-soalan golongan penggilap epal yang lumrahnya hadir ketika beliau dipuncak. Malang... atau beruntung ketika itu; kami berdua bukan dipuncak namun dalam perhatian sebagai penentang negara.

“Maksud saya; apa formula ekonomi Tun ? Sehingga kita mampu stabil secara politiknya dan radikal secara ekonominya?”.

Beliau merenung tepat mata saya, memeluk tubuhnya dan tersenyum pada saya.

“*It's a "balance economy"*. Saya tidak mampu memuaskan hati semua orang. Semua orang, minta itu dan ini, kita tidak boleh penuhi semuanya, namun kita beri mereka apa yang cukup, apa yang mereka perlukan. Cukup. Selebihnya mereka kena berusaha lebih lagi. Bila semua orang rasa cukup, mereka tak bergaduh, kita ada masa untuk membangun negara dengan benda-benda baharu”.

Ringkas dan padat. Saya tidak sangka satu pemikiran politiko ekonomi dapat disampaikan dalam satu perenggan ayat yang mudah. Begitulah; Tun Dr Mahathir, beliau memahami masalah yang kompleks namun menyampaikannya dalam bentuk yang paling mudah.

Itu adalah suatu “Mukadimah” untuk saya melihat keperluan dalam merekayasa satu politiko ekonomi atau kerangka besar ekonomi dan pembangunan negara.

Kemakmuran Bersama sebagai Manifesto Politik Baharu?

Kenapa kita memerlukan suatu Dasar atau Wawasan Ekonomi yang baharu?

Adakah kerana Malaysia ini sudah baharu maka kita memerlukan kerangka ekonomi baharu? Jawapan yang lucu.

Adakah kerana kita melalui perubahan politik dan perubahan kepimpinan negara, maka kerana itu kita memerlukan dasar ekonomi yang lebih baharu?

Atau kerana kita telah tidak mampu menunaikan manifesto politik, yang kita janjikan bulan dan bintang, dan kita perlu *tai-chi* kemarahan rakyat dengan menjanjikan suatu manifesto ekonomi yang lebih praktikal dan baharu?

Jika itu adalah kerangka berfikir kita; maka kita akan terjebak dalam masalah yang sama berdekad lamanya. Kerangka berfikir; yang mana bila bertukarnya Menteri Pendidikan, maka bertukarlah dasar pendidikan kita. Hatta namanya juga berubah-ubah dari pelajaran ke pendidikan beberapa kali. *Change, for the sake of change*. Berubah kerana perubahan. Menjadi mangsanya adalah pelajar, guru-guru, kurikulum sekolah, buku teks, sekolah, ibu bapa dan termasuk juga duit cukai yang dibayar rakyat. Yang menjadi mangsa kepada perubahan atas dasar perubahan ini adalah masa depan rakyat dan negaranya. Hasilnya; tiada keluarbiasaan yang cemerlang terhasil dengan sekian banyak perubahan dasar pendidikan (umumnya); dan ramai masih menanggapi bahawa sistem pendidikan kita adalah lemah apatah lagi jika dibandingkan dengan Jepun, Korea, Singapura mahupun Vietnam. Ya, Vietnam.

Jadi, apa bezanya Kemakmuran Bersama jika ia bukannya *a change, for the sake of change* atau satu manifesto politik baharu menggantikan manifesto politik yang tidak terhasil ?

Melihat kecurangan ekonomi dari kaca mata sebenar

Dekad itu; saya berkesempatan bersama beliau ketika beliau sudah mantan Perdana Menteri Malaysia. Tidak pada puncak kehidupan beliau.

Saya belajar bahawa pada ketika itu fikiran beliau kacau dan terganggu; bukan kerana beliau bukan lagi Perdana Menteri Malaysia; namun kerana beliau melihat bahawa negara berubah kepada satu arah ekonomi yang tidak menguntungkan negara dan rakyatnya dan mungkin bakal mengganggu gugat kestabilan politik dan rakyat. *The Balance* atau keseimbangan dalam fabrik sosial, politik dan ekonomi rakyat terganggu.

Belajar dari sejarah; apabila keseimbangan sosial, politik dan ekonomi rakyat terganggu; ia adalah resipi-resipi kepada tunas yang membuahkan 13 Mei. Sebagai negara berbilang bangsa, budaya, ideologi dan kepercayaan, keseimbangan adalah penting untuk semua merasa tenang serta hak dan milikan mereka tidak dirasa diambil oleh yang lain.

Ketika itu, saya dan Tun Dr. Mahathir sedang meneliti setidak-tidaknya dua isu kecurangan ekonomi kepada negara iaitu TPPA dan masalah sebuah GLC besar negara. Ia adalah tanda-tanda yang jelas sehingga apabila kleptokrasi 1MDB berlaku; asas-asas pemikiran kecurangan telah terbukti terbenih dari isu-isu sebelum itu lagi.

Membicarakan berkenaan TPPA atau hasrat Malaysia menandatangani Perjanjian Perdagangan Transpasifik bersama Amerika Syarikat dan 11 lagi negara dunia. Ia bukanlah isu keengganan Malaysia untuk bersaing secara adil diperingkat global; namun ia adalah isu adakah Malaysia sudah bersedia untuk membuka ruang (atau liberalisasi) kepada satu intervensi global dari kuasa dunia dan syarikat multinasional global yang ingin halangan-halangan negara diangkat (deregulasi) bagi memberi ruang-ruang luas kepada mereka atas nama pasaran (*free market policy*) untuk menguasai pasaran dan rangkaian bekalan tempatan. Persaingan mampu berlaku secara adil jika kedua yang bersaing mempunyai kelebihan yang sama; namun kita tidak seharusnya naif untuk bersangka

bahawa syarikat tempatan kita adalah sama gagah dengan syarikat multinasional yang lain. Kelebihan kuasa besar (negara dan MNC) ini dari segi dana (*capital*), aset, lobi dan pengaruh, teknologi dan sebagainya dapat dikawal melalui intervensi negara melalui peraturan, kawalan, percukaian dan sebagainya bagi memastikan majoriti syarikat tempatan tidak kehilangan pegangan atau bahagian mereka dari aspek ekonomi. Melalui TPPA, satu proses liberalisasi pra-matang telah berlaku iaitu membuka pasaran, rangkaian bekalan dan ekonomi negara kepada persaingan luar sebelum syarikat tempatan mencapai takat kompetensi yang sewajarnya.

Membicarakan berkenaan isu dengan sebuah GLC besar negara; perubahan pucuk kepimpinan GLC ini juga telah membuka satu helaian atau cara kerja baharu kepada satu syarikat Milik Negara yang menjadi simbol besar, dihormati dan paling banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara sebelum ini. Syarikat GLC gergasi ini mula bertukar polisi untuk mendapatkan perolehan terus dari sumber luar tanpa melalui syarikat tempatan; hilang minat kepada program pembangunan *vendor* tempatan (VDP) dan mula menarik langsung pembekalan dan perkhidmatan dari pemain-pemain besar global, beralih melakukan pelaburan kepada negara-negara sudah maju berbanding peranan syarikat GLC ini menerajui pelaburan dan bangun bersama-sama dengan negara yang sedang membangun dan juga peranan ia dengan mula mengorek pada lohong-lohong yang MARGINAL untuk dikomersialisasi pada ketika ini padahal ia masih boleh disimpan sebagai warisan ekonomi untuk anak cucu kita kelak. Kecurangan ini telah menyebabkan Tun tidak menghalang saya meminta Presiden GLC ini meletak jawatan. Ini juga adalah satu lagi petanda bahawa liberalisasi pra-matang telah berlaku, yang menghendakkan keuntungan yang besar sekarang, yang sebenarnya hanya menguntungkan sebahagian pihak (syarikat dan pemain besar dan global) dan menidakkan keuntungan yang sedikit dan berterusan kepada semua (syarikat tempatan dan rakyat).

Dua isu besar ini hanyalah dua petunjuk bagaimana negara sedang beralih menuju kepada suatu model ekonomi yang berbeza dari sebelumnya. Liberalisasi pra-matang ini sememangnya

menjanjikan nilai-nilai GDP yang lebih besar dan mampu mencapainya matlamat negara pada ketika itu menjadi Negara Berpendapatan Tinggi. Namun, ia adalah pada harga bahawa rakyat sebenarnya telah dirampaskan dari kekayaan yang sepatutnya dimiliki oleh mereka. Malaysia Makmur, Rakyat Sengsara.

Pelbagai isu lain mewarnai model ekonomi liberalisasi pra-matang yang sedang berlangsung ketika itu antaranya termasuklah;

1. Pembukaan ekonomi digital negara kepada pemain-pemain antarabangsa yang membenarkan mereka menjadi sebahagian dari platform nasional dengan menggunakan pakai belanjawan negara namun negara tidak mempunyai miliknya dari segi *platform*, harta intelek, pemilikan data mahupun gerbang pembayaran (*Payment Gateway*) kepada ekonomi digital ini.
2. Pembukaan negara kepada hutang-hutang luar dengan syarat-syarat yang tidak menjamin pemain-pemain tempatan terlibat dengan meluas dan mengikat negara kepada bebanan hutang jangka panjang yang tidak menguntungkan ekonomi.
3. Negara dibawa kepada bentuk ekonomi yang mengutamakan dan intensif kepada keperluan buruh murah tanpa membuka ruang kepada ekonomi nilai tinggi. Kelemahan, kecurangan dan rasuah dalam pengurusan pekerja asing juga menyebabkan kita memiliki lambakan pekerja asing murah dan kita pula menjanjikan kepada pelabur untuk pekerja bergaji murah.
4. Pemfokusan pelbagai projek mega untuk meninggikan GDP dan reputasi global tanpa mengambilkira peningkatan jumlah hutang negara, peningkatan penglibatan syarikat asing dalam ekonomi negara, monopoli dalam rantai bekalan bertambah, pengagihan ekonomi berkurang, pembangunan terfokus kepada kawasan-kawasan tertentu dan penghasilan pekerja yang bergaji rendah.

Semua ini dan banyak lagi; dalam skala kecil dan besar, telah berkembang pesat dalam dekad sebelum ini dan membuahkan implikasi yang terzahir nyata dari pelbagai data ekonomi yang kita dapat lihat pada hari ini. Fakta-fakta ekonomi yang terzahir tersebut adalah antaranya (dan tidak terhad kepada) seperti berikut :

1. Ekuiti milikan negara yang menjadi sasaran Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang telah berjaya mengurangkan milikan asing daripada kawalan ekuiti negara dari kadar 63.3% pada 1970-an, kepada tahap terendah pada 25% pada dekad 90-an namun kembali kepada hampir 50% mutakhir ini.
2. Ekuiti Bumiputera yang pada tahap terendah pada 1970-an, iaitu pada 2.4%, telah mampu mencapai kadar tertinggi pada permulaan abad ke-21 pada kadar hampir 25% , namun pada dekad yang lepas telah menyebabkan ia jatuh kembali kepada hampir 15%.
3. Analisis data 5 tahun (2012 – 2017) untuk penciptaan pekerjaan yang diuar-uarkan hebat dalam Laporan ETP (*Economic Transformation Plan*) sebenarnya telah menghasilkan 60% pekerjaan berpendapatan rendah (kemahiran asas dan sederhana) dengan purata gaji RM2,000.00 ke bawah.
4. Peningkatan jurang pendapatan antara kelas berpendapatan rendah (B40) kepada kelas berpendapatan tinggi meningkat pada kadar yang tinggi dengan jurang sebanyak RM2,646.00 pada tahun 1992 kepada RM11,250.00 pada tahun 2016.
5. Peningkatan jurang pendapatan antara kaum Bumiputera dan kaum Cina adalah pada RM11,000/tahun dan kaum India dan kaum Cina pada RM4,000/tahun pada tahun 1992 telah meningkat masing-masing kepada RM30,000/tahun dan RM19,000/tahun pada tahun 2016.
6. Jurang pendapatan antara pusat-pusat ekonomi negara juga menunjukkan perbezaan yang sangat ketara berbanding dengan pelbagai pelusuk Malaysia yang lain.

Sebagai contoh; purata pendapatan isi rumah rakyat di pusat ekonomi Kuala Lumpur Raya (KL dan sebahagian Selangor) adalah pada purata RM10,500.00, namun purata pendapatan isi rumah rakyat di luar Kuala Lumpur Raya adalah hanya RM5,500.00.

Fakta-fakta ini memberi indikasi kepada liberalisasi ekonomi pra-matang yang sedang berlaku di negara ini yang menatijahkan bahawa walaupun negara mampu mencapai negara maju berpendapatan tinggi namun ia tidak menjanjikan model ekonomi yang memberi nilai tinggi kepada perniagaan mahupun pekerjaan yang bernilai tinggi. Ini menyebabkan pendapatan rakyat masih kekal rendah dan rakyat akan terus menerus gagal menangani kenaikan kos sara hidup.

Reformasi yang bernama Kemakmuran Bersama

Pada 18 Oktober 2018, Tun Dr. Mahathir menyatakan pembangunan pada hari ini akan membawa maksud Kemakmuran Bersama dalam kalangan semua rakyat dengan peningkatan kemampuan membeli dan pengurangan kesenjangan pendapatan antara kelas dan kaum.

Pada 9 Mei, 2019; Tun Dr. Mahathir mengumumkan model ekonomi baharu negara iaitu Kemakmuran Bersama yang berhasrat untuk memberi taraf hidup yang wajar (*decent standard of*


living) kepada semua rakyat Malaysia.

Kemakmuran Bersama adalah KESEIMBANGAN. *A balance economy*. Memberikan rakyat menikmati apa yang cukup dan tidak membiarkan sebahagian memonopoli atau menguasai ekonomi di atas yang lain.

Kemakmuran Bersama adalah satu iltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang merangkul ekonomi masa hadapan dan menjadi kuasa ekonomi yang penting di ASIA. Kemakmuran Bersama berhasrat memberi nilai tinggi kepada pekerjaan, pendapatan, jati diri dan maruah rakyatnya yang mengimplikasi ketenangan, kesetabilan politik, kerukunan dan perpaduan dalam kepelbagaian budaya, bangsa dan agama yang menjadi lambang budaya tinggi negara.

Kemakmuran Bersama bukan hanya nama satu model ekonomi baharu, namun ia juga adalah matlamat kepada model ekonomi tersebut. Matlamat Kemakmuran Bersama ini berhasrat bahawa walaupun setiap rakyat tidak memiliki pendapatan dan kekayaan yang sama, namun mereka dapat menuai hasil gigih titik peluh, kemahiran dan kebijaksanaan mereka, yang bakal menjanjikan hasil yang saksama dan tidak melebihi suatu kumpulan daripada yang lain pada yang tidak sewajarnya.

Kemakmuran Bersama adalah aspirasi dan harapan daripada negarawan ulung dan pemimpin utama negara; Tun Dr. Mahathir. Namun miliknya, perancangan, usaha dan keberhasilan wawasan ini harus menjadi milik semua kita rakyat Malaysia kerana jika Kemakmuran itu adalah matlamat yang ingin kita kejar, ia hanya mampu terhasil jika ia dimiliki dan diusahakan secara bersama; semua kita rakyat Malaysia.



Kehebatan
sesuatu **perancangan**,
tidak memberi apa-apa makna
jika **perlaksanaan** tidak dilakukan
dengan baik dan **pemantauan** bagi
memastikan keberhasilannya. Ia juga
menuntut kita untuk **bekerja bersama-**
sama secara bersungguh-sungguh sebagai
satu negara supaya rakyat seluruhnya dapat
menikmati **Kemakmuran Bersama**
dalam sebuah negara Malaysia yang
betul-betul **maju, bermaruah**
dan merdeka.

Tun Dr. Mahathir Mohamad
9 Mei 2019
Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu
Dewan Perdana, PICC Putrajaya

7 Teras Kemakmuran Bersama

Sumber : Infografik Bernama

PENSTRUKTURAN & PENAMBAHBAIKAN EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI NEGARA

Supaya kekal relevan & memenuhi kehendak ekonomi masa depan



BAGAIMANA?



Penggunaan teknologi & Revolusi Industri 4.0



Pengurusan yang lebih terkini & efektif



Pemakaian ekonomi digital secara menyeluruh



Peningkatan kemahiran pekerja yang bernilai tinggi

TERAS 1

TERAS 2

SEKTOR PERTUMBUHAN BAHARU

Bagi menjana ekonomi negara ke aras yang lebih tinggi dan relevan dengan perkembangan zaman



MENGAPA?



Malaysia tidak boleh terperangkap dalam sektor tradisional & cara kerja lama



Pelaburan & pewujudan kapasiti dalam sektor baharu amat penting dalam ekonomi dunia yang berubah secara radikal



Malaysia harus menjadi negara yang mampu mengeluarkan lebih banyak produk sendiri yang bertaraf antarabangsa

REFORMASI BAKAT DAN SUMBER TENAGA NEGARA



MENGAPA?



Memastikan Malaysia boleh menghasilkan tenaga kerja yang lebih produktif dan memberikan nilai pendapatan yang tinggi

BAGAIMANA?



Melihat semula program peningkatan keupayaan dan kemahiran di sektor swasta dan kerajaan

HASIL



Tenaga kerja yang kompetitif, produktif dan relevan dengan kehendak industri serta dunia pada hari ini dan masa depan

TERAS 3

MEMPERBAIKI PASARAN BURUH & PENDAPATAN PEKERJA

Pekerja harus mempunyai pendapatan yang lebih tinggi bagi memastikan mereka mendapat kehidupan yang lebih baik



BAGAIMANA?



Memperkenalkan sektor pertumbuhan baharu, membaiki ekosistem perniagaan & perindustrian & peningkatan keupayaan sumber manusia



Polisi & program



Menyediakan peluang yang lebih menyeluruh kepada pekerja tempatan di semua peringkat

HASIL



Memberi pendapatan yang lebih adil kepada pekerja supaya kenikmatan dapat dirasakan oleh mereka

TERAS 4

TERAS 5

MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN SOSIAL

Negara mempunyai tanggungjawab kepada golongan kurang berkemampuan, terpinggir & berpendapatan rendah



KAEDAH:



Memperkuh polsi & program ke arah kesejahteraan sosial yang lebih menyeluruh berdasarkan prinsip memenuhi ekonomi keperluan

MATLAMAT:



Membangun keupayaan golongan sasaran keluar dari kekurangan dan keadaan yang berisiko

PEMBANGUNAN WILAYAH YANG INKLUSIF

Ke arah pembangunan ekonomi yang inklusif & teragih



BAGAIMANA?



Membangunkan pusat-pusat ekonomi di seluruh negara

HASIL:



Mengurangkan jurang dalam bandar, antara bandar & luar bandar, negeri yang maju & terkebelakang; dan antara Semenanjung serta Sabah & Sarawak

TERAS 6

TERAS 7

PENINGKATAN MODAL SOSIAL MASYARAKAT

Malaysia memerlukan masyarakat yang matang, berilmu, bekerja keras & mementingkan perpaduan bagi menyokong pembangunan & pertumbuhan ekonomi negara

KEPENTINGAN



Modal sosial yang utuh akan membolehkan negara membangun dengan pesat



Jati diri & patriotisme golongan muda akan memastikan masa depan negara yang cemerlang





KEMENTERIAN
HAL EHWAL EKONOMI

Kemakmuran Bersama

TRANSFORMASI EKONOMI



Mengenal pasti 15 bidang-bidang keberhasilan utama baharu yang boleh menganjak ekonomi ke tahap yang lebih tinggi

1

Membantu transformasi ekosistem perniagaan dan industri termasuk PKS supaya mampu mengadaptasi kepada Revolusi Industri 4.0, Ekonomi Digital dan Ekonomi Inteltek untuk menjadi industri nilai tinggi dan mampu menjana lebih pendapatan kepada rakyat



2



Mengadakan transformasi kepada sumber manusia negara bagi menghasilkan tenaga kerja yang efektif dan bernilai tinggi serta memastikan pusat-pusat pembangunan kemahiran dan TVET negara memenuhi kehendak industri

3

Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan memastikan industri beralih kepada pekerjaan dan perkhidmatan nilai tinggi yang menjanjikan pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja



4



Mengadakan rasionalisasi kepada dasar dan strategi kebajikan rakyat (need-based approach) dengan menekankan program graduasi golongan rentan ekonomi dan B40 untuk keluar dari kemiskinan relatif

5

Mewujudkan 50 pusat-pusat ekonomi tempatan di luar Lembah Klang bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat diagihkan dengan lebih meluas



6

#MEAMalaysia
#KemakmuranBersama

Infografik:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

